

# Kem bantu persediaan pelajar baharu UPM

Oleh: Auni Mufidah Mohd Munawir

30 Nov 2020



*Pelajar tahun satu yang menyertai kem secara atas talian mendengar ucapan Penasihat Akademik FBMK*

SERDANG : Pelaksanaan kem secara atas talian ini bertujuan untuk membantu pelajar bersedia di samping berkongsi informasi berkaitan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi antara pelajar baharu.

Itulah antara perkongsian oleh Muqri Muntasir, merupakan seorang Penasihat Program Kem FBMK 2020/2021 secara atas talian, dengan kerjasama antara Persatuan Mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FALCOMM) dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penasihat Program yang juga merupakan Presiden FALCOMM, Muqri Muntasir berkata, kem yang dirancang secara fizikal telah ditransformasikan secara atas talian untuk julung kalinya.

“Pelbagai cabaran yang perlu dihadapi memandangkan ini kali pertama kem dilaksanakan secara atas talian, banyak persediaan yang perlu dilakukan bagi menjayakan kem ini. Komunikasi dan latihan menjadi aspek utama bagi memastikan kelestarian program berlaku,” katanya.

Muqri Muntasir berkata kem secara atas talian ini memberikan gambaran dengan lebih jelas berkenaan fakulti dan universiti itu sendiri, bahkan membuka peluang untuk mereka mengenali Ahli Jawatankuasa Fakulti memandangkan pembelajaran dilakukan secara maya.



*Prof. Madya Dr. Adi Yasran Bin Abdul Aziz merasmikan program*

Program yang dirasmikan oleh Timbalan Dekan (Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Adi Yasran Bin Abdul Aziz ini, dilaksanakan secara atas talian menggunakan zoom sebagai platform interaksi. Kem yang lazimnya dijalankan secara fizikal itu memfokuskan penglibatan mahasiswa tahun 1 2020/2021.

Penasihat Akademik Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi turut serta memberi penerangan berkenaan kos yang ditawarkan di fakulti ini. Pengisian yang cukup ringkas tetapi padat disampaikan oleh beliau kepada pelajar baharu.

Pengarah Program, Priiya Paramasivam berkata melalui kem ini, pelajar diberi pendedahan penggunaan laman web Esmp dan permohonan Wazan. Pelajar berpeluang mengajukan soalan secara langsung di platform zoom tersebut.

“Slot aktiviti yang ditunggu-tunggu iaitu kuiz kahoot juga dijalankan bertujuan memeriahkan lagi kem tersebut. Markah merit sebagai ganjaran. Soalan yang diberikan berdasarkan pengisian kem pada hari itu,” katanya.

Pelajar tahun 1, Nurul Ain berkata dia tidak menyangka kem secara atas talian boleh dilakukan. Ini merupakan kali pertama dia menyertai kem sedemikian. Kem ini benar-benar membantunya mengenali fakulti dan universiti.

Seramai 176 orang mahasiswa FBMK telah melibatkan diri dalam kem ini. Kem secara atas talian ini turut dihadiri oleh Puan Azarizam Ali, Pegawai Tadbir Bahagian Akademik dan Pelajar FBMK, Universiti Putra Malaysia.

**AUNI MUFIDAH BINTI MOHD MUNAWIR (1180341)**